

# 'Saya bukan lagi budak mentah'

Oleh **SUFIAN HADI MOHD. SOJAK**  
sukan@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR** - Pengalamannya tidak banyak, tetapi tiga pingat emas yang dimenangi di Sukan SEA Myanmar tahun lalu membuktikan kebolehan Jonathan Wong Guanjie tidak boleh dipandang rendah.

Dia berasakan pengalaman di temasya dwi-tahunan memang tidak setanding dengan penembak-penembak tepat yang akan bersaing di Sukan Komanwel, tetapi dia juga enggan dianggap mentah dari segi pengalaman.

Malah, penembak elit negara itu tidak ragu-ragu untuk meletakkan sasaran menaiki podium sekali pun perlu berhadapan dengan pihak lawan yang jauh berpengalaman dalam acara 10 meter *air pistol* lelaki.

"Pertama kali saya sertai Sukan Komanwel, saya sangat teruja dan tidak sabar mahu beraksi. Saya berusaha untuk membawa pulang sebarang pingat buat negara.

"Bukan mudah untuk sampai ke tahap ini dan ini tidak akan berhenti begitu sahaja. Saya mengintai untuk mendapatkan tempat dalam Sukan Asia di Incheon, Korea Selatan," katanya.

Menyentuh mengenai sasaran peribadinya tahun ini, Jonathan hanya mahu mengekalkan persembahan cemerlang selain memberi fokus sepenuhnya dalam bidang akademik selaku penuntut jurusan

kejuruteraan di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang.

"Bidang kejuruteraan memang terdapat cabaran tersendiri, tetapi bukan pengahalang. Yang penting saya dapat membahagikan masa dengan betul.

"Saya ingin mempunyai kelebihan dan kesinambungan dalam akademik mahupun sukan, tidak semestinya tumpuan kepada sukan semata-mata," ujar atlet berusia 22 tahun kelahiran Melaka itu.

Sementara itu, atlet menembak wanita, Wahidah Ismail, 22, mahu memperbaiki rekod lepas sewaktu di Sukan Sea Myanmar dengan mensasarkan emas dalam acara 10m *air pistol* wanita berpasukan.

"Di Myanmar kami memperoleh pingat perak dan tetap bersyukur. Tetapi untuk Sukan Komanwel kami perlu sasar emas supaya selari dengan perkembangan kemahiran yang kami ada.

"Bukan terlalu yakin, namun sebaik-baiknya kita cuba yang terbaik demi memartabatkan sukan menembak di negara kita," kata penuntut jurusan Sumber Manusia di UPM itu.

**JONATHAN Wong Guanjie sudah bersedia untuk bersaing dengan penembak-penembak lebih berpengalaman dalam acara 10m *air pistol* di Sukan Komanwel Glasgow 2014.**

